



KREDIBILITI dan kematangan anggota Kabinet kerajaan Pakatan Harapan yang kebanyakannya terdiri daripada muka baharu boleh dilihat pada sidang Parlimen kali ini. – Gambar hiasan



Oleh **MANIRAH OTHMAN**

# Ahli Parlimen bebas suarakan pandangan

**M**ESYUARAT pertama penggal pertama Parlimen ke-14 akan bermula Isnin ini.

Menariknya selepas 61 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan daripada British, Barisan Nasional buat kali pertama berada di blok pembangkang apabila Pakatan Harapan berjaya menewaskan parti tersebut ketika pilihan raya lalu.

Seramai 222 Ahli Parlimen yang diberi mandat oleh rakyat bakal bersidang secara rasmi minggu hadapan. Daripada jumlah tersebut, seramai 90 adalah muka baharu.

Sidang Parlimen selama 20 hari itu juga akan menyaksikan kemunculan semula 11 ahli Parlimen yang dahulunya juga pernah berkhidmat sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 manakala 121 lagi adalah dalam kalangan yang dipilih semula pada Pilihan Raya Umum ke-14, 9 Mei lalu.

Landskap Parlimen kali ini juga cukup berbeza kerana ia turut diisi ahli Parlimen termuda yang juga seorang pelajar iaitu P. Prabakaran (Ahli Parlimen Batu) serta ahli Parlimen paling tua yang juga Perdana Menteri ketujuh, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

## Kredibiliti

Kemunculan Prabakaran serta muka-muka baharu dalam politik yang dipilih menggalas tanggungjawab di Kementerian seperti Menteri Pendidikan, Maszlee Malik dan Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman juga bakal menarik perhatian umum.

Pada persidangan itu nanti, kredibiliti serta kematangan penggubal-penggubal dasar itu boleh dilihat dan dinilai oleh pelbagai pihak terutamanya rakyat negara ini yang sudah membayangkan kelainan suasana di Dewan Rakyat kali ini.

Bagaimanapun, sebelum mula

**“Selain itu, mereka juga mempunyai hak untuk mempertanggungjawabkan atau mempersoalkan atau meneliti tindakan-tindakan pihak eksekutif atau jemaah menteri**

bersidang Isnin ini, sangat penting bagi semua ahli dewan mempersiapkan diri termasuk mengetahui hak-hak dan keistimewaan mereka sebagai ahli Parlimen.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Madya Dr. Shamrahayu Abdul Aziz memberitahu, hak utama ahli Parlimen adalah untuk bersuara dan menyuarakan pandangan.

“Selain itu, mereka juga mempunyai hak untuk mempertanggungjawabkan atau mempersoalkan atau meneliti tindakan-tindakan pihak eksekutif atau jemaah menteri,” katanya ketika dihubungi *Jurnal* baru-baru ini.

Menurutnya, mengikut Perkara 63 Perlembagaan Persekutuan, ahli Parlimen bebas untuk berbahas tanpa boleh dicabar di mahkamah kecuali berkaitan dua keadaan iaitu bercakap sesuatu yang bercanggah dengan Akta Hasutan serta mencadangkan penghapusan institusi beraja di negara ini.

“Mengikut Perkara 63 (4) dan



SHAMRAHAYU



ZAID

(5), ahli Parlimen tidak lagi dipertahankan atau terpelihara daripada pertuduhan di mahkamah di dalam dua keadaan tersebut,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad memberitahu, sidang Parlimen kali ini tentunya bakal mendapat perhatian kerana ramai tertunggu-tunggu untuk melihat suasana baharu tersebut.

“Keadaan agak mencabar juga bagi pihak kerajaan kerana menteri-menteri baharu yang kurang berpengalaman perlu mempersiapkan diri untuk

berhadapan dengan soalan-soalan yang bakal dikemukakan ahli Dewan,” katanya ketika dihubungi *Jurnal* baru-baru ini.

Bagaimanapun katanya, oleh sebab itu, setiap ahli Parlimen perlu melakukan persediaan rapi sebelum bermulanya sidang Parlimen yang akan berlangsung dalam tempoh

dua hari lagi.

Menurut Zaid, setiap ahli Parlimen sama ada muka baharu ataupun lama mempunyai hak sama rata untuk bercakap ketika bersidang kerana hanya mereka yang boleh bercakap di dalam Parlimen.

## Fungsi

“Tidak kira di blok kerajaan atau pembangkang, masing-masing adalah pegawai yang dibayar gaji serta elaun hasil kutipan cukai rakyat dan mereka mempunyai tanggungjawab untuk memastikan mereka menjalankan fungsi sebagai wakil kepada rakyat di Dewan Rakyat.

“Oleh sebab itu semua ahli Parlimen perlu berkhidmat kepada rakyat walaupun mereka adalah pembangkang,” katanya.

Sementara itu, mengikut Akta ahli Parlimen (Saraan 1980), antara keistimewaan yang diperoleh oleh Ahli Parlimen antaranya ialah beberapa kemudahan termasuk elaun mesyuarat, keraian, bayaran khas, kenderaan, tol, pemandu dan pakaian rasmi.

Selain itu, ahli Parlimen juga layak mendapatkan lesen kenderaan motor dan lesen senjata api secara percuma serta diberikan lencana kereta dan kad ahli Parlimen.

Setiap ahli Parlimen juga akan dibekalkan senaskahh Warta Kerajaan Persekutuan bagi tiap-tiap keluaran semasa secara percuma selain turut mendapat kemudahan perubatan, pinjaman kereta, perumahan dan komputer.